

07/01/2002

Demi survival KSPUMB perlu mencari alternatif

Abdul Halim Yaacob

BAGI kebanyakan penulis atau karyawan dan penggiat seni, bidang perniagaan adalah asing sekalipun dikatakan sembilan daripada sepuluh rezeki ada di dalamnya. Sementelah kini ada tokoh korporat seperti Datuk Salleh Majid yang sering memperkatakannya menerusi tulisannya yang memberi motivasi yang merangsangkan.

Penulis sering disifatkan sebagai lilin yang membakar diri supaya orang lain dapat menikmati cahaya yang dihasilkannya!

Tidak kira kecil atau besar nama mereka hanya memikirkan untuk menghasilkan produk tanpa sedikitpun menyentuh soal pemasaran atau siapakah khalayaknya. Persoalan maruah timbul apabila karya mereka dipersembahkan dengan versi yang lain tanpa izin atau perundingan terlebih dulu sebagaimana yang pernah berlaku apabila ada novel yang diadaptasikan ke filem.

Agak menyedihkan juga ada kalangan yang mendapat hanya sedikit pulangan dan sebilangannya langsung tidak mendapat sebarang bayaran setelah penerbit tempat mereka mengemukakan naskhah manuskripnya gulung tikar. Alasan yang diberikan ialah mereka terpaksa menanggung kerugian, sedangkan sebelumnya ia dapat bernafas segar apabila produknya beredar tanpa diperiksa berapakah keuntungan yang dikautnya.

Sekumpulan penulis memberanikan diri menceburi bidang ekonomi dengan menubuhkan Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad (KSPUMB) setelah ketua Satu Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena), Tan Sri Dr Ismail Hussein mencetuskan idea penubuhannya.

Pada mulanya KSPUMB yang dianggotai oleh antaranya SN Datuk Shahnnon Ahmad, SN Datuk Abdullah Hussein, Hassan Mohd Ali, Noorjaya, Rejab FI, Prof Madya Yusof Hassan, Jihaty Abadi (Allahyarham), Ismail Restu, Affrini Adham, Mokhtar A K, Osman Ayob, Puzi Hadi, A Wahab Raof dan ramai lagi berhasrat menggerakkan kegiatan di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Bagaimanapun Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) hanya membenarkan ia bergerak setakat Kedah dan Perlis serta mereka yang bermastautin di kedua-dua negeri berkenaan dengan bilangan ahli cuma sekitar seratus orang bagi memenuhi syarat penubuhan.

Antara hasrat penubuhannya adalah menerbitkan karya agar keuntungan yang diperoleh hasil penerbitannya dapat dibahagikan secara adil dan setimpal dengan keringat yang tercurah.

Walaupun bercita-cita besar, hasrat berkenaan sukar dicapai kerana masalah modal untuk bersaing dengan kebanyakan penerbit gergasi sedia ada dalam memasarkan produk. Namun KSPUMB tetap tidak pernah gentar dalam menghadapi persoalan berkenaan malah Kerajaan Negeri Kedah sendiri menaruh kepercayaan kepadanya mengurus terbit Warta Darul Aman (WD) beberapa tahun selepas penubuhannya.

Sehingga kini WD adalah lidah rasmi kerajaan negeri yang memuatkan pelbagai berita, rencana dan karya sastera kreatif itu masih diurus-terbitkan oleh KSPUMB dan tersebar dengan meluas di Kedah.

Pada peringkat awal penubuhannya, telah dirangka Unit Penerbitan Media Cetak dan Unit Penerbitan Media Eletronik di samping Unit Kreatif yang menjadi anak niaganya dalam menguruskan kerja reka bentuk, reka letak, taipset, fotostat dan pracetak. Sementara untuk program jangka panjang, ia juga merancang untuk bergerak di bidang pelancongan serta percetakan tetapi terpaksa ditangguhkan kerana masalah modal.

Dalam pada itu, kursus penulisan gaya pos yang pernah diatur kurang

mendapat sambutan meskipun KPSUMB mampu kerana ia mempunyai tenaga penggerak pada kadar mencukupi jika dilihat kepada bilangan penulis ternama yang menganggotainya mencakupi pelbagai bidang.

Komponen penulis dan yang berminda niaga di dalamnya dikira tenaga yang cukup baik bagi sesebuah industri untuk menghasilkan produk penerbitan baik media cetak mahupun elektronik.

Namun penulis dan karyawan lebih senang mengambil jalan mudah dengan mengemukakan karya mereka kepada penerbit lain bagi mendapatkan 'upah' pada kadar segera.

Dengan modal yang terlalu kecil KSPUMB ikut bersaing dalam bidang pelaburan saham dan terpaksa meminjam wang daripada tabung kewangan Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (Asasi) sedikit masa dulu.

Kepayahan yang terpaksa diharunginya bagaimanapun berbaloi apabila buku Mahathir Di Mata Umum tulisan pustakawan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK) berjaya diterbitkan pada 1999 meskipun pada peringkat awalnya timbul sedikit kontroversi.

Pelancaran buku yang agak eksklusif ini disempunakan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad di Kubang Pasu pada 5 Disember 1999 sempena kenduri kesyukuran.

Dalam kesempitan modal di samping kesukaran memasarkan produk, KSPUMB berhasil merealisasikan hasrat asal penubuhannya apabila novel berjudul Seni Takdir karya Hamizun Syah berjaya diterbitkan pada pertengahan 2001 lalu.

Bertempat di Hotel Seri Malaysia baru-baru ini KSPUMB mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-11 yang antara agendanya ialah meluluskan pembahagian keuntungan ke atas sejumlah RM4,150.54 bagi 1999.

Untuk menghadapi persaingan dalam arus perniagaan, koperasi yang dipengerusikan oleh Nazril Mohd Zain itu tetap unggul meskipun dilanda kemelesetan ekonomi di samping mencari alternatif dalam mempelbagaikan kegiatan demi penerusan survival.

Oleh kerana agak sukar memasarkan produk, KSPUMB seharusnya bekerjasama dengan pengedar buku untuk tujuan berkenaan serta mengurus-terbit majalah sekolah sebagaimana pernah dilakukan sebelum ini ke atas Ilham iaitu majalah terbitan Maktab Mahmud, Alor Star.

Dilihat kepada ramai juga guru terbabit sebagai anggotanya, tidak mustahil kerja yang berkaitan dengan pendidikan dapat dilaksanakan dan menuntut pertanggungjawaban mereka selaku anggota.

Selain itu, koperasi lain yang bermaksud menyediakan kertas kerja, buku mesyuarat dan sebagainya boleh berurusan dengan KSPUMB kerana meskipun ia bermodal kecil tetapi mempunyai peralatan.

Anggota Lembaga Koperasi yang gugur kerana genap tempoh perkhidmatan mengikut Undang-undang Kecil 35 (1). Mereka antaranya ialah Samsudin Said, Ahmad Ariffin (Affrini Adham) dan Abdul Halim Yaacob.

Anggota lain yang kekal membarisi kepimpinan korporasi itu ialah Datuk' Wan Shamsudin Mohd Yusof, M Z Halim Hassan, Zahidi Datuk' Zainol Rashid, Syed Mahadzir Syed Omar dan Osman Ayob. Sementara Hashim Salleh, Wan Mohd Ali Wan Long, Abdul Halim Salleh (Abdul Halim R) dan Jamaludin Hashim menduduki Jawatankuasa Audit Dalam.

(END)